

RABU, 11 JUN, 1980

# Kelantan kurang gula?

BANYAK tanda tanya yang nampaknya menyelubungi 'krisis' gula di Kelantan sekarang. Pertamanya, menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, angka-angka yang diberikan oleh Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Yaacob itu tidak tepat. Bekalan yang diterima oleh negeri itu sejak Januari lalu ialah 1,800 tan sebulan, berbanding dengan kira-kira 950 tan sebulan sepanjang tahun lalu. Jadi, soalan yang timbul ialah apakah Menteri Besar itu diberikan taklimat yang silap oleh pegawai-pegawai berkenaan.

Keduanya, bekalan sebanyak 1,800 tan itu telah dikira mencukupi keperluan harian seluruh rakyat Kelantan. Dr. Mahathir tidak menyebut sebarang pengurangan bekalan itu sejak Januari lalu. Jadi mengapakah dengan tiba-tiba saja dalam beberapa minggu yang lalu Kelantan menghadapi kekurangan bekalan? Kemungkinan yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri itu ialah bahawa sebahagian dari bekalan itu diseludupkan ke seberang sempadan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Laporan-laporan menunjukkan sejak beberapa hari lalu setengah-setengah pekedal menjual gula dengan harga 80 sen sekati, naik 15 sen dari harga yang ditetapkan di seluruh negara. Ini ternyata bersamaan dengan harga pasaran di Thailand sekarang. Penghentian bekalan dari Thailand seperti yang disebut oleh Menteri Besar itu menambah lagi keyakinan kita bahawa negara itu sedang menghadapi kekurangan bekalan sekarang. Keadaan ini tentulah amat menarik bagi peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, dan menimbulkan pula perbuatan menyorok oleh peniaga-peniaga yang tidak terlibat dengan penyeludupan.

Harga gula di pasaran dunia juga sekarang ini sedang meningkat. Tiga bulan dulu harganya ialah kira-kira \$547 satu tan metrik, tetapi sekarang ia meningkat kepada hampir \$743. Satu kemujuran bagi Malaysia ialah kontrak jangka panjangnya dengan Australia, yang suatu ketika dulu menimbulkan sedikit kerugian kepada kita kerana harga yang jatuh di pasaran dunia sedangkan kontrak itu dibuat ketika harga melambung. Bagaimanapun, faedah jangka panjangnya mulai diterima semula oleh rakyat negara ini. Dan, menurut Dr. Mahathir, Kerajaan telah selesai membaharui kontrak untuk jangka tiga tahun lagi dengan Australia serta sedang berunding untuk mendapatkan bekalan tambahan dari Fiji. Ini semua akan menjamin harga gula tetap pada paras 65 sen sekati seperti sekarang hinggalah tiga tahun akan datang, yang tentunya pula akan menimbulkan penyeludupan keluar lagi jika pengawasan tidak diperketat.